KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

Henti lulus kegiatan berisiko impak di HSK

Utusan 7.2.2022_18

SAUDARA PENGARANG,

KERAKUSAN kegiatan pengusahasilan di Kelantan bertambah parah apabila hampir 28 peratus keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) dizonkan untuk tujuan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur.

Malah, perjanjian persefahaman antara kerajaan negeri dengan sebuah syarikat baru-baru ini untuk melaksanakan pembangunan ladang monokultur secara lestari bercanggah dengan ketetapan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79 yang bersetuju secara prinsip pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam kawasan HSK. Itu tidak termasuk kegiatan perlombongan dan pengkuarian dalam kawasan HSK.

Pengusahasilan secara tebang habis untuk tujuan melaksana pembangunan ladang monokultur, perlombongan dan pengkuarian berskala besar dalam kawasan HSK memusnahkan litupan asal (hutan asli). Malah terdapat juga kawasan pelaksanaan pembangunan ladang monokultur merupakan kawasan rangkaian *central forest spine* (CFS) yang perlu dipelihara dan dilindungi.

Pemusnahan litupan hutan asal memberi impak terhadap hidrologi hutan apabila permukaan tanah terdedah kepada kadar curahan hujan yang tinggi serta menyebabkan fungsi kepelbagaian hayat hutan terjejas.

Hutan asli adalah aset yang sangat penting kerana salah satu fungsi dirian pokok dan tumbuhan falah mampu menadah curahan hujan manakala reputan di lantai hutan melindungi tanah daripada impak secara terus curahan hujan.

Kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah bahawa keluasan HSK melebihi keluasan hutan pengeluaran adalah mengelirukan seolah-olah status tanah berbeza.

Berdasarkan Seksyen 7 Akta Perhutanan 1984 (Akta 313), pihak berkuasa negeri boleh mewartakan sesuatu kawasan tanah sebagai HSK manakala Hutan Pengeluaran adalah salah satu pengelasan HSK berdasarkan Seksyen 10(1)(a) akta sama.

Seterusnya, apakah status terkini perdagangan kredit karbon melibatkan 25 peratus daripada keluasan kawasan berhutan yang tidak mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Kerajaan Persekutuan?

Saya mengulangi gesaan agar kerajaan negeri Kelantan mempertimbang untuk menghenti dan tidak meluluskan lagi apa sahaja kegiatan yang berisiko impak di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) terutama dalam kawasan HSK.

Saya juga berharap kerajaan negeri dan pihak berkuasa berkaitan mematuhi dan mengguna pakai rancangan pemajuan terutama Rancangan Fizikal Negara (RFN) dan lain-lain dasar berkaitan di samping menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada.

MEOR AZAK MEOR ABDUL RAHMAN
Aktivis alam sekitar